

22 NOV 2001

Agong-Sembahyang

JENAZAH SERI PADUKA DISEMBAHYANGKAN DI MASJID NEGARA

KUALA LUMPUR, 22 Nov (Bernama) -- Jenazah yang di-Pertuan Agong ke-11 Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah disembahyangkan di Masjid Negara pagi ini sejurus tiba dari Istana Selangor.

Sembahyang jenazah yang bermula pukul 8.20 pagi itu diimamkan oleh Mufti Wilayah Persekutuan Datuk Hashim Yahya.

Yang turut menyertai sembahyang jenazah itu ialah Timbalan Yang di-Pertuan Agong Sultan Mizan Zainal Abidin, Pemangku Raja Selangor Tengku Idris Shah, dan anggota kerabat diraja Selangor.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, menteri kabinet dan orang ramai juga menyertai sembahyang jenazah itu.

Sultan Salahuddin, 75, mangkat pukul 11.57 pagi semalam di Pusat Perubatan Gleneagles Intan, Jalan Ampang berikutan masalah jantung. Dari pusat perubatan itu jenazah almarhum telah dibawa ke Istana Selangor di Pesiaran Sultan Salahuddin, yang dinamakan sempena nama baginda.

Seri Paduka telah menerima rawatan lanjut di pusat rawatan itu sejak Ahad lepas setelah dibawa pulang dari Singapura. Seri Paduka sebelum itu menerima rawatan selama hampir dua bulan di Hospital Mount Elizabeth di republik itu.

Selepas disembahyangkan, jenazah Seri Paduka dibawa ke Istana Negara bagi membolehkan orang kenamaan dan rakyat menziarahinya.

Jenazah almarhum diletakkan di atas pentas khas tujuh lapis.

Terdahulu, jenazah Seri Paduka dibawa keluar dari perkarangan Istana Selangor dengan menggunakan sebuah van khas tepat pukul 8 pagi diiringi Raja Idris Shah serta anggota kerabat yang lain menuju Masjid Negara.

Jenazah almarhum dimandi dan dikapankan di istana berkenaan.

Jenazah Seri Paduka dijadual dimakamkan di Makam Diraja Klang petang ini.

-- BERNAMA

MAD MAM NJ AZZ NMO